

Tertuduh tekan muka mangsa ke dalam air berlumpur sehingga mati lemas

Kosmo
10/4/2015
mls 3

Pembunuh Syafikah dijel 18 tahun

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
norlida.idros@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Perbuatan kejam seorang pemuda yang menyebabkan kematian salah seorang daripada tiga beradik di kawasan bendang terbiar di Kampung Alor Senibong, Mukim Tajar di sini dua tahun lalu berbalas apabila dia dijatuhi hukuman penjara 18 tahun semalam.

Mahkamah Tinggi di sini semalam membuat keputusan tersebut selepas tertuduh, Mohd. Firdaus Mohd. Faridul, 20, terlebih dahulu mengaku bersalah pada 26 Mac lalu menyebabkan kematian kakak sulung daripada tiga beradik berkenaan, Noor Syafikah Nadia, 14.

Ketika hukuman dijatuhkan oleh Pesuruhjaya Kehakiman, Dr. Choo Kah Sing, Mohd. Firdaus dilihat hanya menundukkan muka, namun mula menangis sebaik diham-piri ahli keluarganya setelah prosiding selesai.

Mengikut pertuduhan pilihan, Mohd. Firdaus didakwa menyebabkan kematian Syafikah dengan niat mendatangkan kecederaan tubuh badan yang mungkin



SYAFIKAH



NURUL AKMA



NUR IZZATI

mengakibatkan kematian di kawasan bendang terbiar di Kampung Alor Senibong, Mukim Tajar di sini antara pukul 9.30 malam hingga 11.30 malam pada 29 November 2013.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 304 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun dan boleh dikenakan denda.

Tertuduh sebelum itu berhadapan dengan tuduhan membunuh Syafikah dan dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori.

Kah Sing dalam penghakimannya berkata, punca kematian Syafikah adalah disebabkan lemas yang disebabkan tindakan tertuduh menekan muka mangsa ke dalam air



KERATAN Kosmo! 2 Disember 2013.

berlumpur. “Mangsa tidak meninggal dunia secara terus, tetapi terpaksa bergelut untuk bernafas di dalam air berlumpur dan ia dibuktikan dengan penemuan lumpur cair dalam rongga mulut serta saluran pernafasan. “Selain itu tertuduh juga mengugut seorang rakannya yang melihat kejadian agar tidak mem-



MOHD. FIRDAUS yang dijatuhi hukuman penjara 18 tahun selepas didapati bersalah menyebabkan kematian Syafikah dua tahun lalu dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi, Alor Setar semalam.

beritahu perkara itu kepada orang lain,” katanya ketika prosiding di sini semalam.

Katanya, hukuman penjara ke atas tertuduh bermula dari tarikh dia ditangkap pada 15 Januari 2014.

Pendakwaan dikendalikan Ketua Pendakwaan negeri, Salim Soib, sementara tertuduh diwakili peguam, Burhanudeen Abd. Wahid.

Kosmo! pada 2 Disember 2013 melaporkan sepasang suami isteri

dari Kampung Alor Semela, di sini kehilangan tiga anak perempuan serentak apabila mereka ditemui mati di dua lokasi berasingan.

Mayat Syafikah ditemui tertiarap dalam keadaan separuh bogel di kawasan bendang, manakala adiknya, Nur Izzati Husna, 12, dan Puteri Nurul Akma, 3, dijumpai dalam keadaan terapung di Terusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.